KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	05.10.22	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JMG			

lokal

Oleh Balqis Jazimah Zahari
am@hmetro.com.my

Belum beri kebenaran!

Pemilik tanah di lokasi batu granit porfiritik tak sedia buka untuk kunjungan umum

Ipoh

Tunggu dulu, pemilik belum beri kebenaran untuk lawat kawasan batu granit porfiritik.

Ketika ini, pemilik tanah di lokasi batu granit porfiritik di Gunung Bujang Melaka, Kampar dekat sini, belum bersedia membuka kawasan berkenaan untuk kunjungan umum ramai walaupun orang ramai cukup berminat untuk melawatnya.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan negeri, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi berkata, pihaknya juga sudah meminta Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) mengadakan kajian lebih terperinci untuk melihat nilai geotapak berkenaan.

"Kawasan itu memang mengandungi granit dalam skala besar dan hanya satu-satunya dalam negara ini, tetapi kajian masih sedang dijalankan.

"Pemilik juga belum bersedia untuk membuka kawasan itu kepada orang ramai," katanya pada sidang media selepas melancarkan *Perak Box Office* di sebuah hotel di sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Nolee Ashilin berkata, kawasan berkenaan milik persendirian dan kerajaan negeri tiada hak untuk meminta pemilik membukanya kepada orang ramai.

"Beliau (pemilik) tidak mengatakan 'tidak', tetapi infrastruktur yang dibina hanya khas untuk kegunaan keluarga.

"Jadi, kita kena fikir daripada segi aspek keselamatan, kesediaan pemilik untuk menerima pengunjung yang ramai juga perlu diambil kira kerana semua ini akan membawa kepada perkara mungkin tidak dijangka seperti kemalangan.

"Kita akan bekerjasama dengan pemilik, tetapi setelah kajian dibuat kita akan bincang semula," katanya.

Menurutnya, beliau sendiri bersama dengan pasukan berkaitan sudah meninjau kawasan berkenaan.

"Saya bersama pasukan JMG, termasuk pakar penasihat geopark, pakar penasihat batu, turun ke lokasi.

"Mereka akan teruskan dengan kajian yang belum lagi diselesaikan di kawasan berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menafikan berita yang tular bahawa kawasan berkenaan sudah dibuka dengan bayaran masuk RM5.

"Ia tidak benar kerana pemilik masih belum bersedia dan laluan berkenaan tidak sesuai untuk diguna pakai oleh orang awam kerana ia melalui kawasan larangan Lembaga Air Perak.



KETUA Pegawai Eksekutif L'Univers, Shannon Lee (dua dari kiri) menyerahkan plak pelancaran *Perak Box Office* kepada Ketua Pegawai Operasi Pounch Nation, Goncalo vaz De Carvalho (dua dari kanan) sambil disaksikan Nolee (tengah). - Gambar NSTP/L MANIMARAN

"Jadi, kita kena fikir daripada segi aspek keselamatan, kesediaan pemilik untuk menerima pengunjung yang ramai juga perlu diambil kira kerana semua ini akan membawa kepada perkara mungkin tidak dijangka seperti kemalangan"

Nolee Ashilin Mohammed Radzi

"Pada masa sama, ada dua atau tiga tangki besar di kawasan berkenaan, jadi kita tidak akan benarkan mana-mana pengunjung masuk mengikut jalan sedia ada," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, pemilik tanah di lokasi batu granit porfiritik di Gunung Bujang Melaka terbuka dengan cadangan menjadikan kawasan unik itu sebagai satu lagi geotapak di negeri ini.

Sebelum itu, media turut melaporkan, kawasan batu granit porfiritik berkenaan berpotensi diangkat menjadi tapak geotapak baharu.